

## Pengurusan Masa Berkualiti Melahirkan Mahasiswa Hebat



Oleh: Nurul Syafiqah Salih

*Universiti Sains Islam Malaysia*

*Diterbitkan pada 25 Julai 2021*

Pernahkah anda menghadapi masalah masa yang tidak mencukupi? Pengurusan masa yang berkesan sebenarnya tidak semudah yang kita fikirkan.

Walaupun setiap orang memiliki jumlah masa yang sama iaitu 24 jam sehari, tetapi untuk menjadi mahasiswa yang hebat, kita haruslah menguruskan masa dengan baik.

Ulama terkemuka dunia, Dr Yusuf al-Qardhawi telah menggariskan empat ciri masa. Pertama, masa itu pantas berlari. Kedua, masa yang pergi tidak akan kembali. Ketiga, masa yang berlalu tidak boleh ditukar ganti dan yang keempat, masa merupakan harta yang paling berharga.

Ciri-ciri tersebut dipetik dari bukunya iaitu *Al-Waqtu Fi Hayatil Muslim* yang menjelaskan tentang kepentingan masa dalam kehidupan umat Islam.

Pengurusan masa adalah sangat penting untuk membantu kita menggapai segala impian dan matlamat yang kita inginkan.

Ia juga dapat mengelakkan kita daripada menghadapi masalah tekanan dan kebimbangan. Hal ini kerana semua perkara yang dirancang dan dijadualkan dapat dijalankan pada masa yang ditetapkan.



Gambar hiasan

Memetik laporan berhubung kaitan antara pengurusan masa dengan pencapaian akademik pelajar Universiti Teknologi Malaysia (UTM) pada 2002, pengurusan masa merupakan salah satu faktor yang mempengaruhi pencapaian akademik mahasiswa.

Mereka perlu mengetahui cara pengurusan masa yang baik kerana ia akan memberi kesedaran tentang kepentingan masa. Seterusnya, ia dapat mengelakkan mereka daripada terlibat dengan hal-hal yang tidak mendatangkan manfaat.

Dalam surah al-Asr, Allah SWT berfirman bahawa mereka yang tidak menghargai masa adalah manusia yang rugi. Pengurusan masa adalah salah satu cara untuk kita mencapai kejayaan di dunia dan di akhirat.

Sebagai manusia yang jauh dari kesempurnaan, saya mengakui sering terleka dengan kehidupan fana dan selalu menyesal kemudian.

Kadangkala kita sudah bertekad dan berazam untuk menggunakan masa dengan baik, namun akhirnya kecundang jua dan masa akhirnya dibazirkan begitu sahaja.

Jadi, saya ingin berkongsi tentang kepentingan dan cara untuk menguruskan masa dengan berkesan.

Penularan wabak Covid-19 menyebabkan institusi pengajian tinggi turut terkesan. Hal ini menyebabkan segala rutin harian sebagai pelajar berubah.

Mungkin bagi seorang pelajar seperti saya yang kebiasaannya hanya fokus kepada pembelajaran di universiti terpaksa belajar secara dalam talian di rumah semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Apabila kita berada di rumah, terdapat banyak tanggungjawab yang perlu dilakukan sebagai seorang anak dan pelajar.

Untuk memastikan pengurusan masa yang berkualiti tanpa mengabaikan tanggungjawab sebagai seorang anak, saya membuat dua jadual harian secara berasingan dengan menyenaraikan segala tugas harian di rumah dan tugas sebagai pelajar.

Kebiasaannya pada waktu pagi sebelum memulakan kelas, saya terlebih dahulu menyelesaikan segala tugas rumah supaya lebih fokus untuk menguruskan tugas sebagai seorang pelajar selepas itu.

Langkah ini dapat menjadikan kita sebagai seorang pelajar yang bertanggungjawab bukan sahaja terhadap pelajaran tetapi kepada ibu bapa.

Tidak dinafikan, penggunaan masa di rumah menjadi terhad terutamanya bagi mahasiswa yang perlu melaksanakan pelbagai tugas dalam satu-satu masa.

Oleh itu, saya mengambil inisiatif menyenaraikan semua kerja penting yang perlu dilakukan terlebih dahulu disusuli dengan kerja yang lain.

Pengurusan masa akan menjadi lebih baik dan teratur jika setiap apa yang kita perlu lakukan didahului dengan perkara yang penting.

Walaupun semua perkara yang penting itu tergolong dalam senarai keperluan, tetapi menjadi keutamaan kepada kita memilih yang mana perlu didahulukan dan yang mana boleh dibuat kemudian.

Pengurusan masa yang berkualiti membolehkan kita mencapai kepuasan justeru memberi motivasi kepada diri sendiri dan melatih kita menjadi lebih berdisiplin. Bak kata pepatah, masa itu emas.

Oleh itu, kita perlu menguruskan masa dengan baik dan melatih diri untuk menjadi mahasiswa yang menghargai masa serta dapat menguruskannya secara berkualiti.